

Terms and Conditions / Terma-terma dan Syarat-syarat
Bank Islam Takaful myMotor Campaign / Kempen Takaful myMotor Bank Islam
"1 January 2020 – 31 December 2020" / "1 Januari 2020 - 31 Disember 2020"

Campaign Period / Tempoh Kempen

1. Bank Islam Malaysia Berhad ("**Bank Islam**") and Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("**STMAB**") are organising Bank Islam Takaful myMotor Campaign ("**Campaign**"). The Campaign runs from **1 January 2020 – 31 December 2020** ("**Campaign Period**"). Bank Islam and STMAB are collectively referred to as ("**Organiser**").

*Bank Islam Malaysia Berhad ("**Bank Islam**") dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("**STMAB**") menganjurkan Kempen Takaful myMotor Bank Islam ("**Kempen**"). Kempen ini bermula dari **1 Januari 2020 - 31 Disember 2020** ("**Tempoh Kempen**"). Bank Islam dan STMAB secara kolektif dirujuk sebagai ("**Penganjur**").*

2. The Organiser reserves its absolute right to change, vary or extend the Campaign Period if necessary.
Pihak Penganjur berhak untuk menukar, mengubah atau melanjutkan Tempoh Kempen jika perlu.

Eligibility / Kelayakan

3. The Campaign is open to any individual who wants to sign up/renew Takaful myMotor for himself/herself and/or for third party underwritten by STMAB at any Bank Islam branch.

Kempen ini terbuka kepada mana-mana individu yang ingin mendaftar/memperbaharui Takaful myMotor untuk diri sendiri dan/atau untuk pihak ketiga yang ditaja oleh STMAB di mana-mana cawangan Bank Islam.

4. An individual who meets the following criteria shall be eligible to participate in the Campaign:

Individu yang memenuhi kriteria berikut layak menyertai Kempen:

- a) Sign up or renew for Takaful myMotor of STMAB at any Bank Islam branch only; and
Mendaftar atau memperbaharui Takaful myMotor STMAB di cawangan Bank Islam sahaja; dan

- b) Applicable for Takaful myMotor Comprehensive Cover Plan only; and

For more information on the product, please visit <https://www.takaful-malaysia.com.my/products/general/Pages/gentakafulmymotor.aspx>.

Hanya untuk Pelan Perlindungan Komprehensif Takaful myMotor sahaja; dan

Untuk maklumat lanjut mengenai produk, sila layari <https://www.takaful-malaysia.com.my/products/general/Pages/gentakafulmymotor.aspx>.

- c) The accumulated contribution for sign-up or renewal of the Takaful myMotor is not less than RM1,000.

Sumbangan terkumpul untuk pendaftaran atau pembaharuan Takaful myMotor tidak kurang daripada RM1,000.

Campaign Mechanics / Mekanisme Kempen

5. Participation is determined according to the following mechanics conducted during the Campaign Period:
Penyertaan ditentukan mengikut mekanisme berikut yang dijalankan semasa Tempoh Kempen:

CAMPAIGN MECHANICS / MEKANISME KEMPEN
<p>An Individual who sign up/renew Takaful myMotor for himself/herself and/or for third party with accumulated contribution of RM1,000 and above in one receipt is eligible to get petrol gift card worth RM50*. For each RM1,000 accumulated contribution, he/she is eligible to get 1 petrol gift card.</p> <p><i>Individu yang mendaftar/memperbaharui Takaful myMotor untuk diri sendiri dan/atau untuk pihak ketiga dengan sumbangan terkumpul sebanyak RM1,000 dan ke atas dalam satu resit layak untuk mendapatkan kad hadiah petrol bernilai RM50*. Untuk setiap RM1,000 sumbangan terkumpul, individu tersebut layak mendapat 1 kad hadiah petrol.</i></p> <p>* While stocks last / Sementara stok masih ada.</p>

6. The table below illustrates the eligibility status of the petrol gift card reward:
Jadual di bawah menerangkan kelayakan bagi ganjaran kad hadiah petrol:

NO.	TRANSACTION/ACTIVITY / TRANSAKSI/AKTIVITI	ELIGIBILITY STATUS / STATUS KELAYAKAN
a)	<p>Sign up/renew 1 Takaful myMotor with contribution value of RM500 on 10 January 2020.</p> <p><i>Daftar/pembaharuan 1 Takaful myMotor dengan sumbangan bernilai RM500 pada 10 Januari 2020.</i></p>	<p>NOT eligible.</p> <p><i>Tidak layak.</i></p>
b)	<p>Sign up/renew 1 Takaful myMotor with contribution value of RM1,000 on 15 January 2020.</p> <p><i>Daftar/pembaharuan 1 Takaful myMotor dengan sumbangan bernilai RM1,000 pada 15 Januari 2020.</i></p>	<p>Eligible for 1 Petrol Gift Card.</p> <p><i>Layak untuk 1 Kad Hadiah Petrol.</i></p>
c)	<p>Sign up/renew 1 Takaful myMotor with contribution value of RM2,000 on 20 January 2020.</p> <p><i>Daftar/pembaharuan 1 Takaful myMotor dengan sumbangan bernilai RM2,000 pada 20 Januari 2020.</i></p>	<p>Eligible for 2 Petrol Gift Cards. (1 for each RM1,000 accumulated contribution)</p> <p><i>Layak untuk 2 Kad Hadiah Petrol. (1 untuk setiap sumbangan terkumpul RM1,000)</i></p>
d)	<p>Sign up/renew 2 Takaful myMotor with contribution value of RM900 on 24 January 2020.</p> <p><i>Daftar/pembaharuan 2 Takaful myMotor dengan sumbangan bernilai RM900 pada 24 Januari 2020.</i></p>	<p>NOT eligible.</p> <p><i>Tidak layak.</i></p>
e)	<p>Sign up/renew 3 Takaful myMotor with contribution value of RM1,700 on 31 January 2020.</p> <p><i>Daftar/pembaharuan 3 Takaful myMotor dengan sumbangan bernilai RM1,700 pada 31 Januari 2020.</i></p>	<p>Eligible for 1 Petrol Gift Card.</p> <p><i>Layak untuk 1 Kad Hadiah Petrol.</i></p>
f)	<p>Sign up/renew 3 Takaful myMotor with contribution value of RM2,100 on 5 February 2020.</p>	<p>Eligible for 2 Petrol Gift Cards. (1 for each RM1,000</p>

	<i>Daftar/pembaharuan 3 Takaful myMotor dengan sumbangan bernilai RM2,100 pada 5 Februari 2020.</i>	accumulated contribution) <i>Layak untuk 2 Kad Hadiah Petrol. (1 untuk setiap sumbangan terkumpul RM1,000)</i>
g)	Sign up/renew 3 Takaful myMotor with contribution value of RM2,650 of which the transaction had occurred at different times i.e. 11 February 2020 (RM900), morning of 13 February 2020 (RM800) and evening of 13 February 2020 (RM950). <i>Daftar/pembaharuan 3 Takaful myMotor dengan sumbangan bernilai RM2,650 di mana transaksi berlaku pada masa berlainan, seperti contoh 11 Februari 2020 (RM900), pagi 13 Februari 2020 (RM800) dan petang 13 Februari 2020 (RM950).</i>	NOT Eligible for Petrol Gift Card because the customer does not fulfill the criteria of this Campaign. <i>Tidak layak untuk Kad Hadiah Petrol kerana pelanggan tidak memenuhi kriteria Kempen ini.</i>

Note: Any transaction after Campaign Period will not be eligible for a petrol gift card.

Nota: Sebarang transaksi selepas Tempoh Kempen tidak layak untuk menerima kad hadiah petrol.

General Conditions / Syarat Am

7. The Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of our Campaign.
Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana Kempen kami.
8. To participate in our Campaign, the Customers must fulfill the criteria and fulfill the Campaign Mechanics. Unless stated otherwise by the Bank, the Customers are not required to sign up or fill up any application form to participate in the said Campaign.
Untuk mengambil bahagian di dalam Kempen kami Pelanggan mestilah termasuk dalam kriteria kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, Pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam Kempen tersebut.
9. The petrol gift card is not exchangeable for any other items or cash.
Kad hadiah petrol ini tidak boleh ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai.
10. In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the Customers.
Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi Pelanggan-pelanggan.
11. The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation on facts, and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the petrol gift card from this Campaign.
Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau

sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan kad hadiah petrol menerusi Kempen ini.

12. The Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the Campaign by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Bank's branches and websites. For the avoidance of doubt, amendment, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the Customers who participate in this Campaign to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of amendment, cancellation, termination or suspension.

Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh pihak Bank, tidak membolehkan Pelanggan-pelanggan yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan-pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

13. The Customers are advised to access the Bank's Website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.

Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat.

14. The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the Product/Facility terms and conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign.

Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Produk/Kemudahan. Sekiranya ada di antara Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.

15. The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tedakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

For more information, please visit Bank Islam branches or refer at our website at <https://www.bankislam.com/personal-banking/wealth-management/campaign-promotions/> .

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau rujuk pada laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com/personal-banking/wealth-management/campaign-promotions/> .